



JABATAN PELESENAN

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

emel : smartlesen@mbpj.gov.my

**SYARAT KEPERLUAN
DOKUMEN DAN PREMIS BAGI
PERMOHONAN LESEN
ESTABLISYMENT MAKANAN**

elesen.mbpj.gov.my

PERMOHONAN LESEN HENDAKLAH DIBUAT SECARA DALAM TALIAN

MELALUI SISTEM ELESEN klik [eLesen](#) | [LogMasuk](#)

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN KETIKA MENGHANTAR DOKUMEN PERMOHONAN

1. Salinan mykad / salinan pasport.
2. Sijil pendaftaran perniagaan/ syarikat daripada SSM.
3. Maklumat pemilik perniagaan/ pengarah daripada SSM.
4. Salinan muka surat penting perjanjian penyewaan yang dimatikan setem / perjanjian jual beli.
5. Lakaran pelan lantai dengan luas ukuran.
6. Gambar berwarna yang menunjukkan aktiviti di dalam premis.
7. Gambar berwarna yang menunjukkan keadaan luar premis beserta premis bersebelahan.
8. Gambar berwarna kipas ekzos. (sekiranya premis tidak memerlukan kipas ekzos contohnya kedai minuman, pemohon diminta menulis surat rasmi kepada MBPJ menyatakan permohonan untuk tidak memasang kipas ekzos).
9. Gambar berwarna perangkap minyak. (sekiranya premis tidak memerlukan kipas ekzos contohnya kedai minuman, pemohon diminta menulis surat rasmi kepada MBPJ menyatakan permohonan untuk tidak memasang perangkap minyak).
10. Salinan Sijil Pengendalian Makanan daripada [Sekolah Pengendalian Makanan \(SLPM\) yang diiktiraf oleh KKM](#) (untuk semua pekerja).
11. Salinan kad pengambilan Anti Typhoid (TY2) yang masih sah untuk semua pekerja.
12. Pengesahan Dewan Bahasa Pustaka bagi setiap ilustrasi iklan. (Pengesahan ini perlu dilakukan dahulu secara dalam talian menerusi <http://dbpsahbahasa.my>
13. [Syarat am dan syarat dokumen bagi iklan papan tanda sila klik di sini.](#)

SYARAT - SYARAT PREMIS

Bagi melancarkan proses kelulusan penuh lesen Establisymen Makanan, **adalah penting bagi pemohon mengetahui syarat - syarat premis establisymen makanan sebelum membuat sewaan ataupun renovasi premis.**

Sila klik dan baca : [SYARAT-SYARAT DAN KEPERLUAN KESIHATAN BAGI PELESENAN PREMIS MAKANAN DI KAWASAN MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA TAHUN 2008](#)

Sekiranya anda masih samar mengenai syarat - syarat premis dan keperluan kesihatan (teknikal) bagi premis establisymen makanan, sila hubungi Unit Pelesenan, Jabatan Kesihatan Persekitaran MBPJ di talian 03-79552381 samb. 116, 145, 117.

LOKASI YANG TIDAK DIBENARKAN

1. Restoran tidak dibenarkan berada bersebelahan pusat servis kenderaan, Klinik haiwan atau Kedai haiwan.
2. Restoran tidak dibenarkan berada di zon perumahan.
3. Restoran yang hendak dijalankan di kawasan industri perlu memohon Kebenaran Merancang daripada Jabatan Perancangan Pembangunan MBPJ terlebih dahulu.
4. Aktiviti memproses, mengilang, membungkus makanan tidak dibenarkan di zon komersil.
5. Dapur berpusat (central kitchen) tidak dibenarkan berada di zon komersil.

SOALAN LAZIM (F.A.Q)

1. Berapakah bilangan Jabatan yang terlibat di dalam kelulusan lesen Establisymen Makanan?.

Dua Jabatan akan terlibat iaitu Jabatan Pelesenan MBPJ dan Jabatan Kesihatan Persekitaran MBPJ.

Jabatan Pelesenan MBPJ akan mengeluarkan lesen sementara secara serta merta sekiranya dokumen permohonan adalah lengkap dan mematuhi syarat.

Seterusnya **Jabatan Pelesenan MBPJ** akan membuka fail permohonan dan menyerahkannya kepada **Jabatan Kesihatan Persekitaran MBPJ** untuk melakukan pemeriksaan premis daripada aspek kesihatan.

2. Premis establisymen makanan saya belum lagi diperiksa selepas tempoh 1 bulan.

Sila hubungi Jabatan Kesihatan Persekitaran di talian 0379552381 samb. 116, 117, 145 bagi temu janji pemeriksaan.

3. Saya telah diberikan notis pembedulan dan telah mematuhi notis berkenaan namun tiada pegawai datang memeriksa semula premis saya.

Setelah pemohon mematuhi notis yang diterima, pemohon wajib menghubungi semula penolong pegawai kesihatan persekitaran berkenaan menerusi nombor telefon bimbit yang tercatat pada notis tersebut atau hubungi 0379552381 samb. 116, 117.

4. Lesen sementara saya telah tamat bolehkah saya memperbaharainya dengan serta merta di kaunter?.

Lesen sementara tidak boleh diperbaharui secara serta merta. Pembaharuan lesen sementara perlu dibuat dengan menulis surat permohonan lanjutan lesen sementara yang dialamatkan kepada Pengarah Jabatan Kesihatan Persekitaran MBPJ **dan** Pengarah Jabatan Pelesenan MBPJ.

Sekiranya ianya disokong oleh Jabatan Kesihatan Persekitaran, Jabatan Pelesenan akan mengeluarkan surat tawaran lanjutan lesen sementara untuk tempoh 6 bulan lagi.

5. Bolehkah saya memohon permit meletakkan kerusi meja di kaki lima ketika status permohonan masih lesen sementara?.

Boleh. Sila klik di sini bagi membaca cara permohonan permit sementara meletakkan kerusi meja di luar premis.

6. Bolehkah saya memohon lesen hiburan ketika status permohonan masih lesen sementara?.

Boleh. Sila klik di sini bagi membaca cara permohonan lesen hiburan.

7. Dimanakah saya boleh memperoleh Vaksin Anti- Tifoid (Ty2)?.

VaksinTy2 boleh diperolehi di mana - mana klinik. Selepas anda mengambil vaksin anda akan diberikan kad vaksin.

8. Di manakah saya boleh memperoleh Sijil Pengendalian Makanan?.

Sijil pengendalian makanan boleh diperolehi daripada Sekolah Latihan Pengendalian Makanan (SLPM) yang diiktiraf oleh KKM. Sila layari [laman web Bahagian Keselamatan Dan Kualiti Makanan Kementerian Kesihatan Malaysia](#) untuk melihat senarai (SLPM) yang diiktiraf.

9. Berapa lamakah tempoh sah lesen Establisymen Makanan?

Tempoh sah lesen sementara Establisymen Makanan ialah 6 bulan. Lesen sementara ini akan terbatal sekiranya lesen kekal dikeluarkan.

Tempoh sah lesen kekal ialah sehingga 31 Disember setiap tahun.

SEKIRANYA ANDA MASIH MEMPUNYAI PERTANYAAN BERKAITAN PERMOHONAN LESEN ESTABLISYMENT SILA HUBUNGI PEGAWAI BERIKUT :

No. telefon Jabatan Pelesenan MBPJ : 0379604667, 0379566922, 0379563231, 0379609026, 0379541560, 0379558117, 0379541548


Jawatan	Sambungan Telefon
Pengurus Unit Berisiko	109
Pembantu Tadbir 1	147
Pembantu Tadbir 2	138
Pembantu Tadbir 3	124

BAGI URUSAN TEMU JANJI PEMERIKSAAN PREMIS, SILA HUBUNGI

No. telefon Jabatan Kesihatan Persekitaran MBPJ :

Jawatan	Telefon
Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Kanan	03-79552381 samb. 117
Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran 2	03-79552381 samb. 145
Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran 3	03-79552381 samb. 116

CARTA ALIR PERMOHONAN LESEN ESTABLISYMEN MAKANAN MENERUSI SISTEM ELESEN@MBPJ.



Disediakan oleh :-

Jabatan Pelesenan,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.
Tarikh kemaskini : 10 Mei 2021